

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL OHSAS 18001:2007
1 OKTOBER 2013 (ISNIN), JAM 2.15 TENGAH HARI
SRI CENGAL BALLROOM, HOTEL SUNWAY, SEBERANG JAYA,
PULAU PINANG**

Yang Berbahagia Tan Sri Lee Lam Thye
Pengerusi National Institute of Occupational Safety and Health

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan
Tebatan Banjir Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Sr Hj Rozali Bin Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Dr Hj Sharudin Bin Shari
Ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification Sdn Bhd (NCSB)

Yang Dihormati Encik Syamsul Zahrin Zainudin
Pengurus Besar NIOSH Certification Sdn Bhd (NCSB)

Yang Dihormati Puan Asiah Nasution Suhaimi
Pengurus Persijilan NIOSH Certification Sdn Bhd (NCSB)

Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai MPSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada petang ini untuk Majlis Penyampaian Sijil OHSAS 18001:2007. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai sangat mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi National Institute of Occupational Safety and Health, Y.B. Tuan Chow Kon Yeow, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir Pulau Pinang, Dr Hj Sharudin Bin Shari, Ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification Sdn Bhd (NCSB) dan semua yang hadir pada petang ini.

Yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

OHSAS 18001:2007 adalah Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan yang berasaskan *British Standard*. Sistem ini wujud bagi membantu pelbagai organisasi untuk mewujudkan tahap prestasi pekerjaan yang selamat dan sihat. Sistem ini digunakan secara meluas di seluruh negara dan mendapat pengiktirafan antarabangsa. Ianya berdasarkan Akta Keselamatan Pekerjaan 1994 yang bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan orang yang sedang bekerja terhadap risiko. Kedua, melindungi keselamatan atau kesihatan orang lain, selain daripada pekerja yang berada di tempat kerja terhadap risiko. Ketiga, mempromosi persekitaran pekerjaan yang bersesuaian dengan kehendak fizikal dan mental pekerja.

Hadirin sekalian,

Tercetusnya idea untuk pensijilan OHSAS ini adalah semasa menghadiri taklimat NIOSH di Wisma Sempilai.

Pada bulan Julai 2012, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mendapatkan pensijilan pada bulan Julai 2013. Cabaran saya berikan kepada kakitangan supaya berfikiran positif untuk mencapai kecemerlangan (Thinking Excellent Team Work) dalam tempoh setahun dan akhirnya sasaran tersebut telah berjaya dicapai.

Satu penandaarasan dalam menyediakan kebajikan kepada pekerja MPSP dengan memberi alat keselamatan. Tanpa penandaarasan kita boleh semak samaada apa yang majikan berikan adalah betul dan mencukupi untuk pekerja.

Dengan adanya OHSAS 18001:2007 ini, terdapat garis panduan yang perlu diikuti oleh MPSP dalam menjaga keselamatan pekerja kami.

Pada 28 Ogos 2013, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dimaklumkan mencapai Pensijilan OHSAS 18001:2007 daripada NIOSH Certification Sdn. Bhd. Bagi skop pendaftaran Penyelenggaraan Pembersihan Dan Landskap meliputi aktiviti kutipan sampah, pemangkasan pokok, kerja-kerja meracun dan membaja. Saya difahamkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan pihak berkuasa

tempatan (PBT) yang pertama di Semenanjung dan kedua di Malaysia yang mendapat pensijilan OHSAS 18001:2007. Tahniah kepada semua kakitangan yang terlibat dan juga terima kasih kepada pegawai NIOSH yang tidak jemu memberi tunjuk ajar kepada kami. Begitu juga pihak audit yang mengaudit kami.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Terdapat beberapa faktor penting mengapa kita perlu melaksanakan OHSAS secara komprehensifnya. Pertama, pelaksanaan OHSAS mampu mengurangkan kos dan mengelakkan kerugian akibat perkhidmatan terhenti disebabkan berlaku kecederaan atau kemalangan. Kedua, OHSAS mampu meningkatkan produktiviti dan moral kakitangan. Ketiga, pelaksanaan polisi ini mampu mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bebas daripada bahaya kakitangan. Keempat, pelaksanaan OHSAS mampu mengurangkan liabiliti undang-undang.

Para hadirin sekalian,

Selaras dengan misi Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai, MPSP komited dan bertanggungjawab untuk:

- i. Menyediakan serta memastikan persekitaran kerja, kemudahan, peralatan dan sistem kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerja, kontraktor, pelanggan, pelawat dan pihak yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti MPSP.
- ii. Mematuhi peruntukkan perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- iii. Memastikan konsep penambahbaikan berterusan sentiasa dijadikan amalan usaha untuk meningkatkan kualiti keselamatan dan kesihatan pekerjaan di MPSP.

Majlis Perbandaran Seberang Perai Selatan (MPSP) berharap dengan pelaksanaan OHSAS ini akan meningkatkan tahap kecekapan dan keselamatan dalam kalangan kakitangan MPSP khususnya.

Selari dengan bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2014, untuk menjadikan MPSP lebih selamat, MPSP lebih bersih, MPSP lebih

hijau dan MPSP lebih sihat. Budget untuk kebajikan pekerja diutamakan, sebanyak RM100,000 diperuntukkan untuk Ex-Gratia (bermula tahun 2012). Bayaran perkhidmatan perubatan sebanyak RM1.0 juta. Peruntukan untuk Doktor Panel pula sebanyak RM1.4 juta.

Tahun 2014 adalah tahun pertama MPSP menyediakan peruntukan tambahan untuk pembelian Alat Pelindung Diri di bawah OHSAS, RM300,000 diperuntukkan untuk staf Perbandaran dan Landskap. Selain dari budget pembersihan dan landskap yang rutin.

Ini menunjukkan komitmen MPSP sebagai majikan dalam menjaga kebajikan pekerja-pekerjanya.

Saya berharap semoga kita dapat memupuk kerjasama yang erat bersama-sama dengan semua pihak bagi meningkatkan tahap kualiti keselamatan di tempat kerja selaras dengan aspirasi kerajaan negeri, pentadbiran yang Competence, Akauntabiliti, Transparent untuk menjadikan Penang lebih Selamat, Bersih Hijau dan Sihat.

Dengan itu, saya sudah dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum wbth.

Sekian, terima kasih.